



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## **PENILAIAN PROGRAM PENDIDIKAN MUZIK TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA MENGGUNAKAN MODEL CIPP**



05-4506832



pustaka.upsi.



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2022**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENILAIAN PROGRAM PENDIDIKAN MUZIK TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA MENGGUNAKAN MODEL CIPP

BAHARIN BIN BAHAROM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN MUZIK)

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila Taipkan (✓):

Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah


✓

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **13 DISEMBER 2022.**

### i. Perakuan pelajar :


Saya, **BAHARIN BIN BAHAROM, P20122002255 DAN FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PENILAIAN PROGRAM PENDIDIKAN MUZIK TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA MENGGUNAKAN MODEL CIPP** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.



Tandatangan pelajar

### ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESSOR MADYA DR MOHD NIZAM BIN NASRIFAN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PENILAIAN PROGRAM PENDIDIKAN MUZIK TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA MENGGUNAKAN MODEL CIPP** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN MUZIK)**.



13 DISEMBER 2022

Tarikh

PROF MADYA DR. MOHD NIZAM HJ. NASRIFAN  
Jabatan Muzik  
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjung Malim, Perak





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENILAIAN PROGRAM PENDIDIKAN MUZIK TENTERA LAUT  
DIRAJA MALAYSIA MENGGUNAKAN MODEL CIPP

No. Matrik /Matric's No.: P20122002255

Saya / I : BAHARIN BIN BAHAROM

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-


**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

  
**PROF MADYA DR. MOHD NIZAM H. NASRIFAN**  
 Jabatan Muzik  
 Fakulti Muzik dan Seni Persembahan  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Tandatangan Penyajuan Mahasiswa / Supervisor)  
 dan (Nama dan Cop Rasmi / Name and Official Stamp)

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 13 DISEMBER 2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



## PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani” Perjalanan pengajian yang panjang 2012 – 2022 (10 tahun) penuh dengan suka dan duka. Dari darat ke laut dan dari laut ke darat mengumpul semangat yang hampir mati. Syukur kepada Allah yang telah mengirimkan insan-insan yang banyak memberi dorongan dan doa iaitu ibu bapa Che Saodah Binti Elang dan Baharom Bin Musa. Bidadari sehingga ke syurga Zalila Binti Zakaria dan zuriat permata hati Nur Elysha Binti Baharin, Muhammad Emryul Bin Baharin dan Muhammad Ezuan Bin Baharin. Penyelia yang tidak jemu membimbang iaitu Dr Mahayuddin Bin Abdul Rahim (Bersara) dan Profesor Madya Dr Mohd Nizam Bin Nasrifan.

Tidak dilupakan kepada sahabat syurga, Yang Mulia Raja Azuan Nahar Bin Raja Adnan (Allahyarham) yang bersama-sama membangunkan kertas kerja program usaha sama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bersama Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) melalui pendekatan *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) bagi membolehkan pemuzik TLDM menyambung pengajian ke IPTA. Kini usaha Allahyarham telah membawa hasil di mana TLDM telah berjaya menjalinkan kerjasama dalam program Diploma Seni Muzik bersama Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Allahyarham juga yang membawa saya ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai pelajar PhD.

Tidak dilupakan kepada pensyarah-pensyarah yang banyak memberi kata-kata semangat serta dorongan iaitu Profesor Zaharul Lailliddin Bin Saidon (Bersara), Profesor Dr Mohd Hassan Bin Abdullah, Profesor Madya Dr Muhammad Fazli Taib Bin Saearani (Dekan), Profesor Madya Dr Mohd Kipli Bin Abdul Rahman, Profesor Madya Dr Mohd Azam Bin Sulong, Dr Colleen Wong Huey Yi, Dr Sumathi a/p Maniam dan Encik Zamrus Bin Hashim. Sahabat jauh yang tidak jemu memberi galakan untuk saya meneruskan pengajian dan pernah bersama-sama berhempsah pulas membangunkan *National Occupational Skill Standard* (NOSS) bidang muzik peringkat kebangsaan iaitu Encik Narawi Bin Rashidi, Kampung Budaya Sarawak.

“Budi dan jasa baik kalian semua hanya Allah yang dapat membalaunya”.

Penghargaan juga disampaikan kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang telah membaiayai yuran pengajian dan Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan (MPPL), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang memberi kelulusan untuk saya menjalankan kajian ini. Bravo Zulu.





## ABSTRAK

Program pendidikan muzik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bermula sejak tahun 1995 bertujuan melahirkan pemuzik yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan keyakinan yang tinggi ketika bermain alat muzik. Penilaian dibuat berdasarkan kepada model penilaian context, input, process dan product (CIPP) oleh Stufflebeam. Reka bentuk campuran berjujukan telah digunakan dalam mendapatkan pandangan pemuzik. Teknik persampelan adalah persampelan bertujuan melibatkan keseluruhan 148 pemuzik yang bertugas di Pangkalan TLDM, Lumut, Perak dan Pangkalan TLDM, Tanjung Pengelih, Johor. Maklumat daripada pemuzik dikumpul menggunakan borang soal selidik dan temu bual mendalam secara bersemuka. Hasil penilaian konteks mendapati kurikulum muzik sedia ada mampu melahirkan pemuzik yang berkemahiran serta mempunyai skil tinggi dalam bermain muzik. Walau bagaimana pun, pemuzik berasa ragu dengan program pendidikan muzik yang mampu membantu mereka mendapatkan pekerjaan dalam bidang muzik apabila bersara. Mereka juga ragu bahawa program ini mampu memberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Hasil penilaian input mendapati tahap pengetahuan terhadap teori muzik adalah rendah namun pemuzik mempunyai kemahiran dan keyakinan yang tinggi bermain muzik. Pemuzik juga bersetuju bahawa persekitaran sekolah serta kemudahan yang disediakan adalah mencukupi untuk memberikan mereka persekitaran pembelajaran yang kondusif. Hasil penilaian proses mendapati pemuzik diberikan peluang untuk terlibat aktif dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran. Jurulatih juga membantu dalam memberikan demonstrasi serta menggalakkan pemuzik membuat latihan kemahiran. Hasil penilaian produk mendapati program pendidikan muzik TLDM berjaya meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keyakinan yang tinggi ketika bermain muzik. Kajian ini juga mendapati responden memberikan tahap sederhana kepada kedua-dua aspek ini: (1) kerjasama daripada industri dan (2) kemudahan dan peralatan muzik. Implikasi kajian ini adalah program pendidikan muzik TLDM boleh diberi penambahbaikan dengan mendorong kerjasama yang lebih efektif antara sekolah-sekolah muzik dan industri muzik luar.





## EVALUATION OF ROYAL MALAYSIAN NAVY (RMN) MUSIC EDUCATION PROGRAMME USING CIPP MODEL

### ABSTRACT

The Royal Malaysian Navy (RMN) musical education programme begin in 1995 was implemented to produce musicians who will have the knowledge, skill and confident while playing their musical instruments. Evaluation was made based on the model of context evaluation, input, process and product (CIPP) by Stufflebeam. The explanatory sequential design have been used in getting the opinion of musicians. The sampling technic involved 148 musicians who is working at Lumut RMN Base in Perak, and Tanjung Pengelih in Johor. The information taken from the musicians is collected by using questionnaires forms and face to face interviews. The results from the context evaluation found that the existing music curriculum is able to produce skillful musicians and have high level of skill in playing musical instruments. However, musicians still has doubts in the musical programme that will help them in getting job opportunity from music industry when they retired from the service. They also have doubts that the programme can provide them the opportunity to further their studies at the higher level. The results from the input evaluation found that the level of knowledge towards musical theory is low but musicians are highly skills and very confident when they play. Musicians also agreed that the school surrounding and facility that has been provided is adequate to give them a conducive learning place. The process evaluation found that musicians also were given chances to actively involved in learning and teaching activities. Coaches also helps in showing the student demonstration as well as encouraging musicians in practising their skills. The results of product evaluation meanwhile found the RMN musical education programme have successfully increase the knowledge, skill, confident of students while playing their music. This research also found the respondents have given a medium evaluation in two aspect (1) the cooperation from the industry and (2) amenities and musical instruments. The research implication of the programme found that it can be improved and upgraded by encouraging an effective cooperation between musical schools and music industry outside RMN.





## KANDUNGAN

**Muka Surat**

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii



<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Standard Kompetensi Tentera Laut (SKTL)	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Kurikulum Pendidikan Muzik TLDM	11
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Soalan Kajian	14
1.7 Kepentingan Kajian	16
1.7.1 Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)	16
1.7.2 Masyarakat dan Negara	17





1.7.3 Bidang Akademik dan Penyelidikan	18
1.8 Definisi Operasional	18
1.8.1 Standard Kompetensi Tentera Laut (SKTL)	19
1.8.2 Latihan dan Penilaian Berdasarkan Kompetensi (LPBK)	19
1.8.3 Kompetensi	19
<b>BAB 2 TINJAUAN LITERATUR</b>	20
2.1 Pengenalan	20
2.2 Konsep Kompetensi dalam Pendidikan	21
2.3 Keperluan Penilaian Program Pendidikan	30
2.3.1 Penilaian Formatif dan Sumatif	33
2.3.2 Model Kirkpatrick	33
2.3.3 Model IPO (Input, Process, Output, Outcome)	34
2.3.4 Model Demokratik Deliberatif	35
2.3.5 Model Ketidaksamaan (Discrepancy)	35
2.3.6 Model Stake atau Model Jangkaan-Keselarasan	37
2.3.7 Model Majmuk (Pluralistic)	37
2.3.8 Model Penerangan (Illuminative)	38
2.3.9 Model Tyler	39
2.3.10 The Countenance Model	40
2.3.11 Model Consumer-Oriented	42
2.3.12 Model Penilaian CIPP	42
2.4 Justifikasi Menggunakan Model Penilaian CIPP	45
2.4.1.1 Kesesuaian Kurikulum Muzik	54
2.4.2 Keperluan Input	66





2.4.2.1 Kerjasama Pihak Industri	67
2.4.2.2 Kursus / Latihan	71
2.4.2.3 Kemudahan Peralatan dan Makmal	76
2.4.2.4 Kerjasama Pengurusan Atasan	79
2.4.2.5 Penjadual dan Jumlah Waktu Latihan	82
2.4.3 Keperluan Proses	85
2.4.3.1 Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	85
2.4.3.2 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	94
2.4.3.3 Pentaksiran Kompetensi	103
2.4.3.4 Kerja Amali	107
2.4.4 Keperluan Produk	111
2.4.4.1 Pengetahuan, Kemahiran dan Keyakinan (PKK)	111
2.4.5 Kerangka Konseptual Kajian	117
2.4.5.1 Penilaian Konteks	119
2.4.5.2 Penilaian Input	120
2.4.5.3 Penilaian Proses	121
2.4.5.4 Penilaian Produk	121
2.5 Kesimpulan	122
<b>BAB 3 METODOLOGI</b>	123
3.1 Pengenalan	123
3.2 Reka Bentuk Kajian	123
3.3 Populasi, Sampel dan Lokasi Kajian	125
3.4 Prosedur Pengumpulan Data	126
3.5 Teknik Pengumpulan Data	126





3.5.1 Borang Soal Selidik	127
3.5.2 Pemerhatian	128
3.5.3 Temubual Bersemuka Mendalam	129
3.5.4 Rakaman Audio	130
3.5.5 Kajian Perpustakaan	131
3.6 Instrumen Kajian	131
3.6.1 Borang Soal Selidik	131
3.6.2 Protokol Temubual Bersemuka Mendalam	134
3.7 Ujian Rintis	137
3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	141
3.9 Teknik Pensempelan	142
3.10 Teknik Triangulasi Data	143
3.11 Teknik Penganalisaan Data	145
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	147
4.1 Pengenalan	146
4.2 Faktor Kemahiran Bermain Muzik	146
4.2.1 Tempoh Berkhidmat Responden	147
4.2.2 Tahap Pendidikan Responden	148
4.2.3 Kelulusan Ikhtisas Berkaitan Muzik	148
4.2.4 Kursus Berkaitan Muzik	149
4.2.5 Tahap Minat Responden Terhadap Muzik	150
4.3 Dapatan Deskriptif	151
4.3.1 Penilaian Konteks	151
4.3.1.1 Kesesuaian Kurikulum	152





4.3.1.2 Persekutaran Sekolah	158
4.3.2 Penilaian Input	162
4.3.2.1 Kerjasama Pengusaha Industri	162
4.3.2.2 Kursus/Latihan Berkaitan Muzik	165
4.3.2.3 Kemudahan Peralatan dan Makmal	169
4.3.2.4 Kerjasama Pengurusan Atasan	172
4.3.2.5 Kesesuaian Penjadualan dan Jumlah Waktu	175
4.3.3 Penilaian Proses	178
4.3.3.1 Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	178
4.3.3.2 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	182
4.3.3.3 Proses Pentaksiran Kompetensi	186
4.3.3.4 Kerja-Kerja Amali Pemuzik	190
4.3.4 Penilaian Produk	192
4.3.4.1 Tahap Pengetahuan	192
4.3.4.2 Tahap Kemahiran	195
4.3.4.3 Tahap Keyakinan	199
4.3.4.4 Kesan pelaksanaan program pendidikan muzik TLDM	201
4.4 Analisis Dokumen dan Pemerhatian	208
4.5 Kesimpulan	214
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	216
5.1 Perbincangan	216
5.1.1 Penilaian Konteks (Context Evaluations)	216
5.1.1.1 Kesesuaian Kurikulum	217
5.1.1.2 Persekutaran Sekolah	224





5.1.2 Penilaian Input (Input Evaluations)	232
5.1.2.1 Kerjasama Pengusaha Industri	232
5.1.2.2 Kursus/Latihan Berkaitan Muzik	235
5.1.2.3 Kemudahan Peralatan dan Makmal	240
5.1.2.4 Kerjasama Pengurusan Atasan	243
5.1.2.5 Penjadual dan Jumlah Waktu Latihan	245
5.1.3 Penilaian Proses (Process Evaluations)	245
5.1.3.1 Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	248
5.1.3.2 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	254
5.1.3.3 Proses Pentaksiran Kompetensi	259
5.1.3.4 Kerja-Kerja Amali	262
5.1.4 Penilaian Produk (Product Evaluations)	266
5.1.4.1 Pengetahuan, Kemahiran dan Keyakinan (PKK)	266
5.1.4.2 Kesan Pelaksanaan Program Pendidikan Muzik TLDM	272
5.2 Kesimpulan	274
5.2.1 Implikasi Kajian	279
5.2.2 Implikasi Teori	280
5.2.3 Implikasi Amalan	281
5.2.4 Limitasi Kajian	282
5.2.5 Limitasi Teori	282
5.2.6 Limitasi Amalan	283
5.3 Cadangan	284
5.3.1 Merancang Pengambilan Anggota PGM	284
5.3.2 Mengemaskini Syarat Pengambilan Anggota PGM	286





5.3.3 Memperkuuh Program Pendidikan Muzik TLDM	291
5.3.3.1 Dasar Pengambilan Jurulatih	294
5.3.3.2 Pembangunan Jurulatih	300
5.3.3.3 Program Motivasi	310
5.3.3.4 Silibus Berseuaian	313
5.3.3.5 Pengukuhan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)	316
5.3.3.6 Menambah Baik Persekutaran Sekolah	320
5.3.3.7 Kerjasama Industri Muzik	323
5.3.3.8 Menaik Taraf Sebagai Pusat Bertauliah JPK	325
5.3.3.9 Tajaan Ke Institut Pengajian Tinggi	327
5.3.3.10 Program Mentor Mentee	329
5.3.4 Cadangan Kajian Lanjutan	332
<b>RUJUKAN</b>	335
<b>LAMPIRAN</b>	368





## SENARAI JADUAL

<b>No. Jadual</b>	<b>Muka Surat</b>
4.1 Tempoh Berkhidmat Responden	148
4.2 Tahap Pendidikan Responden	149
4.3 Kelulusan Ikhtisas Berkaitan Muzik	149
4.4 Kursus Berkaitan Muzik	150
4.5 Tahap Minat Responden Terhadap Muzik	151
4.6 Kesuaian Kurikulum	152
4.7 Persekitaran Sekolah	159
4.8 Kerjasama Pengusaha Industri	163
4.9 Kursus / Latihan Berkaitan Muzik	166
4.10 Kemudahan Peralatan dan Makmal	170
4.11 Kerjasama Pengurusan Atasan	173
4.12 Kesesuaian Penjadualan dan Jumlah Waktu	176
4.13 Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	179
4.14 Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	183
4.15 Kaedah Pengajaran Yang Paling Disukai	185
4.16 Proses Pentaksiran Kompetensi	187





4.17 Kerja-Kerja Amali Pemuzik	191
4.18 Tahap Pengetahuan	193
4.19 Tahap Kemahiran	196
4.20 Tahap Keyakinan	200
4.21 Kesan Pelaksanaan Program Pendidikan Muzik TLDM	202
4.22 Analisis Dokumen dan Pemerhatian	209





## SENARAI RAJAH

<b>No. Rajah</b>	<b>Muka Surat</b>
1.1 Carta Alir Proses Penempatan Pemuzik TLDM	3
2.1 Kerangka Konseptual Kajian	119
3.1 Reka Bentuk Penilaian	126





## SENARAI SINGKATAN

ABRSM	<i>The Associated Board of the Royal School of Music, London</i>
ASWARA	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BAKES TLDM	Badan Kesenian Tentera Laut Diraja Malaysia
BBKDP	Brass Band KD Pelandok
BKML	Bahagian Kawalan Mutu Latihan
CIPP	<i>Context, Input, Process and Product</i>
DPM	Diploma Perguruan Malaysia
FBP	Fakulti Bekalan dan Pengurusan
FMSP	Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
JKP	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KD Pelandok	Kapal Diraja Pelandok





KDSI	Kapal Diraja Sultan Ismail
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
TLDL	Tentera Laut Diraja Malaysia
LPBK	Latihan dan Penilaian Berasaskan Kompetensi
MI	Musicians Institute
MoA	Memorandum Perjanjian
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MTL	Markas Tentera Laut Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
MPPL	Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan
NOSS	<i>National Occupational Skill Standard</i>
PAT	Pancaragam Armada Timur
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PGM	Pancaragam
PKDSI	Pancaragam KD Sultan Ismail
PKK	Pengetahuan, Kemahiran dan Keyakinan
PPT	Penilian Pencapaian Terdahulu
PPTLDM	Pancaragam Pusat Tentera Laut Diraja Malaysia





PUZIDA	Pusat Latihan Muzik Tentera Darat
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SKPK	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
SKTL	Standard Kompetensi Tentera Laut
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SP	Standard Persendirian
SPPM	Sekolah Pengajian Pengurusan Muzik
SSem	Sekolah Seni Malaysia



STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TDM	Tentera Darat Malaysia
TUDM	Tentera Udara Diraja Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UUM	Universiti Utara Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris





## SENARAI LAMPIRAN

- A Contoh Silibus dan Penjadualan
- B Contoh Buku Log Kompetensi
- C Permohonan Mengadaptasi Borang Soal Selidik
- D Kebenaran Mengadaptasi Borang Soal Selidik
- E Pengesahan Instumen Kajian - Penilai Pertama
- F Pengesahan Instumen Kajian - Penilai Kedua
- G Surat Permohonan Menjalankan Kajian
- H Surat Kelulusan Menjalankan Kajian
- I Borang Soal Selidik
- J Protokol Temu Bual Responden





## BAB 1

### PENGENALAN



Pada tahun 1964 bermula penubuhan Pancaragam Pusat Tentera Laut Diraja Malaysia (PPTLDM) bertempat di Berek Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Woodlands, Singapura. Pada awal penubuhannya, PPTLDM dianggotai oleh 27 anggota daripada pelbagai kepakaran dalam TLDM yang berminat dengan muzik. PPTLDM telah dipindahkan ke Pangkalan TLDM, Lumut, Perak pada tahun 1984 (Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM, 2014).

Perkembangan muzik dalam TLDM mula mendapat pendidikan secara formal dengan menghantar setiap anggota pancaragam (PGM) ke Pusat Latihan Muzik Tentera Darat (PUZIDA), Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur bermula tahun 1991 sehingga 1994. Dalam tahun 1995, Sekolah Pengajian Pengurusan Muzik (SPPM) TLDM, Kapal Diraja





Pelandok (KD Pelandok) telah ditubuhkan bertujuan melatih anggota TLDM kepakaran PGM. Jurulatih pula adalah jurulatih yang dipinjam daripada PPTLDM. Pada tanggal 26 Ogos 2008 perjawatan rasmi anggota PGM telah diluluskan dan diletakkan di bawah pentadbiran Fakulti Bekalan dan Pengurusan (FBP), KD Pelandok, Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM (MPPL TLDM) (MPPL TLDM, 2008). Perkembangan muzik dalam TLDM terus diperbesarkan dengan penubuhan Brass Band KD Pelandok (BBKDP), Pancaragam KD Sultan Ismail (PKDSI) dan Badan Kesenian TLDM (BAKES TLDM) (MPPL TLDM, 2014).

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam tahun 1995, Sekolah Pengajian Pengurusan Muzik (SPPM) TLDM, KD Pelandok telah ditubuhkan bertujuan melatih anggota TLDM kepakaran PGM. Jurulatih pula adalah jurulatih yang dipinjam daripada PPTLDM. Pada tanggal 26 Ogos 2008 perjawatan rasmi anggota PGM telah diluluskan dan diletakkan di bawah pentadbiran Fakulti Bekalan dan Pengurusan (FBP), KD Pelandok, Markas Pemerintahan Pendidikan dan Latihan TLDM (MPPL TLDM) (MPPL TLDM, 2008). Perkembangan muzik dalam TLDM terus diperbesarkan dengan penubuhan Pancaragam KD Sultan Ismail (PKDSI), Pancaragam Armada Timur (PAT), Brass Band KD Pelandok (BBKDP) dan Badan Kesenian TLDM (BAKES TLDM) (MPPL TLDM, 2014).

Setiap pemuzik TLDM yang telah tamat mengikuti Kursus Asas Perajurit Muda TLDM akan dihantar untuk mengikuti program pendidikan muzik TLDM di SPPM TLDM. Pemuzik TLDM yang telah lulus kursus di SPPM TLDM akan diperjawatkan



ke salah satu unit operasi muzik TLDM seperti Pancaragam Pusat TLDM, Pancaragam KD Sultan Ismail, Pancaragam Armada Timur, Brass Band KD Pelandok dan Badan Kesenian TLDM. Carta Alir Proses Penempatan Pemuzik TLDM seperti di Rajah 1.1:

### Rajah 1.1

*Carta Alir Proses Penempatan Pemuzik TLDM*



#### 1.2.1 Standard Kompetensi Tentera Laut (SKTL)

SKTL pada asasnya adalah Standard Persendirian (SP) bagi membolehkan proses persijilan dan pengiktirafan daripada industri. SKTL dibangunkan seperti mana pembangunan kurikulum Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di bawah Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau *National Occupational Skill Standard*.



(NOSS), Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Berbeza dengan SKM, SKTL dibangunkan adalah berpandukan kepada keperluan pekerjaan di lapangan untuk TLDM ketika aman mahu pun ketika perang. SKTL dibangunkan sebagai panduan yang lengkap kepada jurulatih (guru) yang mengajar di pusat-pusat latihan TLDM di seluruh negara. SKTL ini telah dibangunkan oleh Bahagian Kawalan Mutu Latihan (BKML), MPPL TLDM di samping diberi tugas untuk mengawal proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta menjalankan penilaian pentaksiran kompetensi (MPPL TLDM, 2013).

Menurut buku SKTL, setiap pemuzik TLDM yang diperjawatkan ke unit-unit operasi muzik TLDM perlu memenuhi kompetensi yang telah ditetapkan dalam Buku Log Kompetensi. Contoh Buku Log Kompetensi seperti di Lampiran B.



### 1.3 Pernyataan Masalah

Sebelum pengkaji menerangkan perkara lanjut, pengkaji ingin menyatakan bahawa hasil daripada pemerhatian pengkaji yang telah dijalankan oleh pengkaji pada 7 Mei 2017 bertempat di SPPM TLDM, KD Pelandok, Pangkalan TLDM, Lumut, Perak mendapati program pendidikan muzik TLDM mempunyai objektif dan matlamat yang jelas iaitu melahirkan pemuzik TLDM yang kompeten dalam melaksanakan tugas apabila diperjawatkan di pasukan.

Akan tetapi, kemudahan infrasturktur yang ada di sekolah tersebut masih tidak menepati kriteria SKTL (MPPL TLDM, 2013). Merujuk kepada Buku Nota Penyelia Kanan Pancaragam pada muka surat 11 dan 12 yang menerangkan secara terperinci





berkaitan dengan kepada keperluan mengubah lagu. Keperluan yang perlu ada di SPPM TLDM adalah seperti seperti kibod, piano dan gitar serta dibantu oleh penggunaan komputer serta pencapaian internet. Selain itu, keperluan lain seperti ruang belajar serta lain-lain persekitaran yang kondusif perlu disediakan oleh pihak pengurusan tertinggi TLDM agar dapat melahirkan pemuzik yang kompeten. Namun segala peralatan ini tidak mencakupi dengan keperluan yang tertera dengan Buku Nota Penyelia Kanan Pancaragam.

Oleh itu, bagi mengesahkan lagi hasil pemerhatian pengkaji, satu penilaian perlu dilakukan terhadap SPMM TLDM. Penilaian ini perlu melibatkan pelajar, jurulatih dan pengurusan tertinggi TLDM sebagai responden kajian. Pengkaji berpendapat bahawa hanya dengan penilaian ini dapat dijadikan bukti yang sah dalam permohonan untuk

menaik taraf pendidikan muzik di SPPM TLDM.

PustakaTBainun

ptbupsi

Walau bagaimanapun, hasil pemerhatian pengkaji, pengkaji tidak dapat dinafikan bahawa pada masa kini, SPPM TLDM menpunyai bilik latihan, bahan rujukan, buku latihan, peralatan muzik dan keperluan lain. Tetapi dalam keadaan yang masih tidak lengkap. Jika melihat kepada kajian pengkaji terdahulu berkaitan dengan persekitaran sekolah yang kondusif, ia bermaksud sekolah mampu menyediakan bilik darjah yang bersesuaian dengan aktiviti dengan pelajar. Perkara ini telah dibincangkan dalam kajian yang Mohd Zolkifli Abd. Hamid, Muhammad Rashid Rajuddin dan Aman Zahiri Megat Zakaria (2007). Mereka menyatakan bahawa komponen utama bidang pendidikan adalah terdiri daripada kurikulum, penyediaan infrastruktur dan sumber manusia yang boleh menyokong program. Jika ketiga-tigaa perkara ini tidak dapat





disediakan maka usaha untuk melahirkan pemuzik yang boleh bermain muzik dengan baik akan menjadi usaha yang sia-sia.

Selain daripada kemudahan infrastruktur, hasil pemerhatian pengkaji juga mendapati teknik latihan yang dilaksanakan oleh SPPM TLDM agak ketinggalan dan kurang bersistematik. Perkara ini berlaku kerana jurulatih yang ada di SPPM TLDM adalah terdiri daripada bekas pelatih di SPPM TLDM. Dalam kata lain, mereka hanya mengajar mengikut perkara yang diajar semasa mereka menjadi pelatih. Pelatih-pelatih ini juga berkemungkinan besar ketika dilantik sebagai pemuzik TLDM, tidak mempunyai latar belakang bermain alat muzik. Pendidikan berasaskan kepercayaan kepada senior menyebabkan teknik latihan yang ketinggalan dan tidak sistematik. Dalam pada itu, tingkah laku jurulatih yang tidak mahu memajukan diri dalam bidang

muzik juga menjadi faktor SPPM TLDM mempunyai sistem pendidikan yang ketinggalan dan kurang sistematik.

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu mendapati sistem PdP yang tidak sistematik terjadi kerana mereka yang membangunkan pendidikan muzik tidak mempunyai latar belakang muzik. Tanpa pengetahuan tentang muzik maka mereka tidak dapat menyatakan keperluan untuk melahirkan sekolah muzik yang baik. Menurut Izlin Zuraini Ishak (2002), aspek pengetahuan adalah penting kepada guru. Guru seharusnya memiliki pengetahuan berkaitan pedagogi, isi kandungan, pengetahuan am dan pengetahuan ikhtisas berkaitan perguruan sebelum memulakan kerjaya. Jika perkara-perkara tersebut tidak dimiliki oleh guru maka beliau bukan sahaja menghadapi masalah untuk mengajar malah masalah untuk mewujudkan kurikulum sekolah yang baik.





Oleh itu, dalam memastikan seseorang tenaga pengajar dapat menjalankan PdP dengan baik, mereka perlu menerima latihan terutama latihan dalam kaedah penyampaian. Kaedah penyampaian ini perlu bersesuaian dan mampu memberikan kesan kepada proses PdP. Dan menjadi tanggungjawab pihak pengurusan sekolah untuk menyediakan prasarana serta kemudahan yang kondusif dan terkini. Prasarana dan kemudahan tersebut perlu di diajar atau dilatih mengenai cara untuk menggunakan bahan bantu mengajar supaya PdP boleh dioptimumkan (Rahmah Murshidi, 2005). Hanya melalui gabungan ini, kaedah penyampaian semasa PdP dapat disampaikan dengan berkesan kepada pelajarnya (Nik Mustapha R. Abdullah, 2007).

Seterusnya, semasa proses pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji, pengkaji mendapati PKK jurulatih juga tidak pernah diuji. Pada pendapat pengkaji keadaan ini berlaku kerana sistem pengambilan jurulatih itu sendiri yang mana mereka dilantik berdasarkan pengalaman bermain muzik ketika berada di unit operasi muzik TLDM. Pihak pengurusan tertinggi SPPM TLDM tidak mengambil kira bahawa kepentingan jurulatih yang mempunyai kemahiran teori dan praktikal muzik sama ada pada gred I/II/III/ IV atau IV, daripada *The Associated Board of the Royal School of Music (ABRSM), London*. Fakta menunjukkan bahawa perlantikan guru-guru muzik di Malaysia adalah berdasarkan pengambilan peperiksaan muzik bergred yang menggunakan kurikulum ABRSM. Silibus ABRSM ini diterima pakai di peringkat antarabangsa, diperakui oleh Office of Qualifications and Examinations Regulation (OFQUAL) serta diiktiraf oleh universiti dan majikan (ABRSM, 2022a). Keupayaan silibus ABRSM ini dilihat sebagai landasan yang betul membawa SPPM TLDM seperti mana matlamat dan objektif mewujudkan SKTL.





Jurulatih SPPM TLDM tidak dinafikan sememangnya mempunyai pengetahuan dalam bidang muzik dan boleh mengajar muzik tetapi mereka tidak diberikan pengetahuan untuk menjalankan proses PdP seperti mana guru-guru muzik di luar SPPM TLDM. Apabila bercakap mengenai kemahiran, jurulatih mempunyai kemahiran bermain muzik berdasarkan pengalaman. Namun kemahiran mereka dalam bidang muzik masih dalam takuk yang lama. Perkara ini berlaku kerana jurulatih tidak mengikuti perkembangan muzik semasa yang mana telah beralih kepada dunia sains dan digital. Apabila menyentuh perkara berkaitan sikap jurulatih dalam bidang muzik, pengkaji berpendapat mereka cuma menjalankan tanggungjawab sebagai anggota TLDM sahaja. Perkara ini berlaku kerana jurulatih merasakan tidak ada keperluan untuk terus mengembangkan kerjaya dalam bidang muzik selepas tamat perkhidmatan dengan TLDM. Pemikiran ini terjadi kerana faktor usia dan juga faktor mereka tidak didedahkan dengan kerjaya muzik selepas tamat berkhidmat.



Berbalik kepada SKTL, sistem ini menjalankan penilaian pencapaian pemuzik berdasarkan pencapaian kompetensi dalam kemahiran bermain muzik. SKTL menetapkan seseorang pemuzik TLDM berupaya menghubungkan teori dan amali untuk diiktiraf sebagai seorang pemuzik yang kompeten. Matlamat ini hanya boleh dicapai jika jurulatih mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang muzik. Ketidakmampuan jurulatih untuk menterjemah mengupas kurikulum muzik akan memberi kesan kepada pengajaran sesuatu subjek yang diajar. Dalam masa yang sama memberi kesan kepada penilaian kompetensi pemuzik TLDM.

Apabila bercakap tentang kemahiran guru, Nik Mustapha R. Abdullah (2007) dalam kajian beliau terhadap tenaga pengajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT)





Malaysia, menyarankan agar setiap pegawai akademik berupaya memahami mutu pembelajaran sesuatu program akademik yang dijalankan. Pegawai akademik juga harus mempunyai keupayaan mendidik setiap pelajar ke arah pencapaian yang diharapkan. Dalam pada itu, menurut Milner dan Hoy (2003), guru merupakan agen perubahan utama di dalam proses PdP. Oleh itu pengetahuan guru perlu dioptimumkan agar guru mampu menghasilkan inovasi dalam proses PdP. Ini kerana guru adalah individu yang menentukan kualiti pembelajaran pelajar dan sekaligus menjadikan pelajar berpengetahuan dan berkemahiran. Akan tetapi pengetahuan dan kemahiran tidak menjadi jaminan bahawa guru boleh menyampaikan pengajaran yang baik. Faktor keyakinan diri merupakan pendorong kepada pengajaran yang baik (Lawler, 1971) dan (Choy, 2005). Sebagai contoh, guru-guru yang mempunyai pengetahuan tentang muzik perlu belajar untuk menterjemahkan pengetahuan kepada pedagogi (strategi pembelajaran atau gaya pembelajaran).



Selanjutnya, hasil pemerhatian pengkaji juga mendapati penilai kompetensi tidak didedahkan dengan kursus pentaksiran kompetensi. Ini membawa maksud pegawai yang memberi penilaian kompetensi tidak diberikan latihan untuk menjalankan penilaian kompetensi. Penilai kompetensi terdiri daripada ketua-ketua sektor operasi yang menerima pemuzik yang menamatkan kursus muzik di SPPM TLDM. Oleh itu, TLDM perlu menyediakan kursus kepada ketua-ketua sektor yang membuat penilaian agar mereka dapat membuat pentaksiran berdasarkan kompetensi dengan betul. Pentaksiran yang dijalankan di sekolah perlu dilakukan dengan dua tujuan utama iaitu bertujuan memberi gred serta pelaporan dalam menentukan status pembelajaran pelajar atau dikenali sebagai pentaksiran berlandaskan pembelajaran di samping menggalakkan aktiviti pembelajaran. Kedua-dua bentuk pentaksiran tersebut memainkan peranan





penting di sekolah (Chappuis dan Stiggins, 2002) dan kompetensi hendaklah ditakrifkan berdasarkan situasi sebenar pekerjaan seseorang (Moqvist, 2003).

Setelah ketua-ketua sektor TLDM membuat penilaian kompetensi, keputusan tersebut harus digunakan sebagai panduan untuk menambah baik proses PdP. Namun, perkara yang terjadi di TLDM adalah pemuzik tidak dinilai daripada mereka yang mempunyai kemahiran untuk menjalankan penilaian kompetensi. Pada pendapat pengkaji semenangnya proses penilaian ini bergantung kepada keperluan SPPM TLDM itu sendiri. Ini kerana daripada hasil kajian yang dijalankan oleh Chappuis dan Stiggins (2002) dan Fisher (2019) mendapati tidak semua sekolah muzik menjalankan penilaian terhadap sekolah muzik mereka. Guru-guru di sekolah lebih memberi perhatian kepada pentaksiran berpandukan pembelajaran yang memberi keutamaan terhadap pemberian

gred namun kurang menitik beratkan kepada aspek pembaik pulih PdP pelajar. 05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi

Implikasinya pelajar yang lemah akan tertinggal dan kelemahan kaedah pengajaran guru tidak diperbaiki. Namun, jika SPPM TLDM memilih untuk menjalankan penilaian kompetensi, penilaian ini perlu mengikut saranan Nik Mustapha R. Abdullah (2007). Beliau menyatakan proses penilaian yang dijalankan perlu teratur, sah serta boleh dipercayai.

Kesimpulannya, hasil daripada pemerhatian pengkaji, terdapat dua masalah utama di SPPM TLDM iaitu berkaitan dengan prasarana dan kemudahan di SPPM TLDM. Kedua adalah tahap pengetahuan dan kemahiran jurulatih di SPPM TLDM. Secara langsung kedua faktor ini menjadi penyumbang kepada kejayaan mahupun kelumpuhan PKK pemuzik TLDM. Namun, semua pemerhatian ini hanya dapat disokong kesahihannya dengan melaksanakan penilaian melalui kajian terhadap





program pendidikan muzik TLDM agar seiring dengan keperluan SKTL. Penilaian ini juga bertepatan dengan penubuhan SPPM TLDM yang telah menjangkau usia 27 tahun (1995 - 2022).

#### 1.4 Kurikulum Pendidikan Muzik TLDM

Kurikulum program pendidikan muzik TLDM secara umumnya lebih kepada mengenal dan mempelajari tentang *interval*, triad, kord, teknik penulisan dan bacaan notasi muzik, pengetahuan yang paling asas perlu ada pada setiap pemuzik (MPPL TLDM, 2013). Menurut Menurut buku SKTL, kurikulum pendidikan muzik TLDM terdiri daripada: (a) Pengenalan Asas Notasi Muzik; (b) Teknik Penulisan dan Bacaan Notasi; (c) Teknik Membaca Melodi dan Tempo Lagu; (d) Mengenal Tanda Clef; (e) Teknik Tiupan; (f) Teknik Main Perkusi; dan (g) Keselamatan Semasa Pengendalian Alatan Muzik.

Menurut Menurut buku SKTL, kurikulum program pendidikan muzik TLDM lebih menekankan kepada pengetahuan teori muzik asas, kemahiran bermain alat muzik dan mempunyai keyakinan ketika diperjawatkan ke unit-unit muzik TLDM. Pemuzik TLDM perlu mengenal tempo, rhythm, dinamik dan mood apabila menerima lagu seperti berikut;



## PARAJURIT MUDA

The musical score consists of ten staves of music. The instruments listed from top to bottom are: Flute, Clarinet in E, Clarinet in B, Alto Saxophone, Tenor Saxophone, Horn in F, Trumpet in B, Baritone, Trombone, Euphonium, Tuba, Side Drum, and 4-String Bass Guitar. The score includes dynamic markings such as *f*, *mf*, *p*, and *mf*. Measure numbers 1 and 8 are indicated at the beginning and end of the score respectively.

Walaubagaimanapun pemuzik yang lebih terkanan akan diasah melalui pembelajaran yang berterusan dalam membangunkan bahagian-bahagian dan membuat perubahan dalam tekstur dan teknik mengarang muzik dalam karya orkestra (MPPL TLDM, 2013). Contoh silibus dan penjadualan waktu yang ditawarkan seperti di Lampiran A.

### 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan bagi mengenal pasti halangan, kelemahan dan kekuatan program serta mencadangkan penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh TLDM. Kajian dilakukan dengan menggunakan model penilaian *Context, Input, Process* dan

*Product* (CIPP) oleh Objektif kajian dibuat berpandukan kepada pecahan Model CIPP Stufflebeam seperti berikut:

(1) Membuat Penilaian Konteks (Context Evaluations):

- (a) Menilai kesesuaian kurikulum program pendidikan muzik TLDM dengan objektif kursus dan matlamat program yang ditetapkan oleh SKTL.
- (b) Menilai kesesuaian kurikulum muzik dengan persekitaran sekolah ditetapkan oleh SKTL.

(2) Membuat Penilaian Input (Input Evaluations):

- (a) Menilai kerjasama yang diberikan oleh pihak pengusaha industri terhadap pelaksanaan program pendidikan muzik TLDM.
- (b) Menilai kursus/latihan yang pernah dihadiri berkaitan dengan muzik oleh pemuzik TLDM.
- (c) Menilai kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah dalam pelaksanaan program pendidikan muzik TLDM.
- (d) Menilai peranan dan kerjasama yang diberikan oleh pihak pengurusan atasaran terhadap perlaksanaan program pendidikan muzik TLDM.
- (e) Menilai penjadualan dan jumlah waktu yang telah ditetapkan terhadap perlaksanaan program pendidikan muzik TLDM.

(3) Membuat Penilaian Proses (Process Evaluations):

- (a) Menilai proses PdP program pendidikan muzik TLDM.



- (b) Menilai kaedah PdP yang digunakan oleh jurulatih dalam pelaksanaan program pendidikan muzik TLDM.
- (c) Menilai proses pentaksiran kompetensi seperti mana yang telah ditetapkan oleh SKTL.
- (d) Menilai kerja-kerja amali dilaksanakan oleh pemuzik TLDM seperti mana yang telah ditetapkan oleh SKTL.
- (3) Membuat Penilaian Produk (Product Evaluations):

Menilai kesan pelaksanaan program pendidikan muzik TLDM ke atas tahap pengetahuan, kemahiran dan keyakinan pemuzik TLDM.



1.6 **Soalan Kajian**

Persoalan-persoalan kajian yang dibangunkan berdasarkan empat elemen penilaian program dengan menggunakan Model CIPP Stufflebeam seperti berikut:

- (1) Membuat Penilaian Konteks (Context Evaluations):
- (a) Apakah kurikulum pendidikan muzik TLDM sesuai dengan objektif kursus dan matlamat program yang ditetapkan oleh SKTL?
- (b) Apakah kurikulum pendidikan muzik TLDM sesuai dengan persekitaran sekolah seperti yang ditetapkan oleh SKTL?
- (2) Membuat Penilaian Input (Input Evaluations):





- (a) Bagaimanakah kerjasama yang diberikan oleh pihak pengusaha industri terhadap pelaksanaan program pendidikan muzik TLDM?
- (b) Apakah kursus/latihan yang pernah dihadiri berkaitan dengan muzik oleh pemuzik TLDM?
- (c) Apakah kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah dalam membantu pelaksanaan program pendidikan muzik TLDM?
- (d) Bagaimanakah peranan dan kerjasama yang diberikan oleh pihak pengurusan atasan terhadap perlaksanaan program pendidikan muzik TLDM?
- (e) Bagaimanakah penjadualan dan jumlah waktu yang telah ditetapkan terhadap perlaksanaan program pendidikan muzik TLDM?



- (a) Bagaimanakah proses PdP program pendidikan muzik TLDM?
- (b) Apakah kaedah PdP yang digunakan oleh jurulatih dalam pelaksanaan program pendidikan muzik TLDM?
- (c) Bagaimanakah proses pentaksiran kompetensi seperti mana yang telah ditetapkan oleh SKTL?
- (d) Bagaimanakah kerja-kerja amali dilaksanakan oleh pemuzik TLDM seperti mana yang telah ditetapkan oleh SKTL?

(4) Membuat Penilaian Produk (Product Evaluations):

Apakah kesan pelaksanaan program pendidikan muzik TLDM ke atas tahap pengetahuan, kemahiran dan keyakinan pemuzik TLDM?



## 1.7 Kepentingan Kajian

Muzik sering menjadi pilihan sama ada untuk acara tidak formal mahupun acara formal (Schäfer, Sedlmeier, Städler dan Huron, 2013). Menurut Schäfer (2016), muzik akan menyalurkan segala bentuk maklumat, membina kemahiran, perubahan sikap dan memperlihatkan kreativiti setiap individu.

Oleh itu, memandangkan TLDM juga menyediakan program pengajian muzik kepada anggotanya, maka pengkaji selaku mantan Pengarah Muzik TLDM merasakan kepentingan untuk menjalankan kajian untuk menilai program pendidikan muzik TLDM. Harapan pengkaji agar kajian ini boleh memberi maklumat dan manfaat kepada:

### 1.7.1 Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)

Kajian ini penting untuk memberi maklumat berguna kepada TLDM dalam merangka strategi dalam program pendidikan muzik TLDM agar selaras dengan SKTL. Dapatan daripada penilaian konteks berguna untuk peringkat pengurusan di mana maklumat berdasarkan dapatan kajian akan menentukan sama ada matlamat dan objektif kursus tercapai.

Dari penilaian input, dapatan maklumat yang diperoleh membantu TLDM memperbaiki kelemahan-kelemahan dan mengenal pasti kekuatan dari aspek kesediaan jurulatih, sokongan pengurusan atasan, kemudahan prasarana dan peruntukan kewangan. Ini amat berguna kepada TLDM dalam membuat penyusunan strategi untuk penambahbaikan terhadap pelaksanaan program pada masa yang akan datang.

Dapatan penilaian proses membantu TLDM menyemak dan menyusun semula aspek-aspek seperti pematuhan jadual mengajar, laporan buku latihan sambil kerja, kawalan mutu dan proses pentaksiran kompetensi. Penilaian ini juga membantu TLDM dalam meningkatkan pengetahuan kepada jurulatih dalam aspek PdP.

Penilaian produk membantu TLDM dalam aspek menghasilkan pemuzik TLDM seperti yang ditetapkan oleh SKTL. Aspek PKK pemuzik TLDM yang mengikuti kursus juga dinilai di samping penerimaan pasukan terhadap pemuzik TLDM setamat kursus. Maklumat ini dapat memberi peluang kepada TLDM membuat tindakan susulan serta membaiki sebarang kelemahan yang dikesan bagi memantapkan PKK pemuzik TLDM seperti yang dikehendaki oleh SKTL serta relevan dengan keperluan sektor industri.

Kajian ini penting kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) cawangan muzik disebabkan masih tiada kajian terhadap program pendidikan muzik sama ada untuk Tentera Darat Malaysia (TDM) mahu pun Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Hasil kajian ini juga boleh digunakan oleh pasukan PGM agensi beruniform di Malaysia pada masa akan datang serta dijadikan bahan rujukan berkaitan program pendidikan muzik berdasarkan kompetensi dari sudut yang berbeza.

### 1.7.2 Masyarakat dan Negara

*National People's Congress Opens In Beijing* (2011) menyatakan bahawa kemahiran bekas tentera perlu diturunkan kepada generasi muda sekaligus mengelak pembaziran kewangan kepada kerajaan untuk melatih pelatih baharu. Bekas tentera bukan sahaja



mempunyai kemahiran tetapi juga pengalaman mereka dapat dikongsi kepada masyarakat (China Daily, 2011). Oleh yang demikian kemahiran bermain alat muzik di kalangan bekas tentera dapat digunakan untuk melatih pelajar sekolah mahupun universiti sekaligus dapat menjimatkan kewangan kerajaan dalam melatih guru-guru muzik.

### 1.7.3 Bidang Akademik dan Penyelidikan

“Mencari dan menemui kebenaran yang hakiki wajib dijadikan objektif yang sama sekali tidak boleh di kompromi. Segala yang berlaku wajib dijadikan contoh teladan, baik di pihak tentera lebih-lebih lagi di pihak awam, dijadikan kajian kes, dijadikan bahan rujukan untuk memperkayakan pemikiran para siswazah dan para penyelidik baik di MIDAS begitu juga di Universiti Pertahanan Nasional” (Raja Nazrin Shah, 2011).

Petikan di atas menyeru agar memperbanyakkan kajian untuk mencari kebenaran yang hakiki tanpa berkompromi sama ada di pihak tentera ataupun awam. Kajian ini dilihat penting kepada bidang akademik dan penyelidikan kerana belum ada lagi kajian di Malaysia atau luar negara yang melibatkan penilaian program pendidikan muzik TLDM tentera.

### 1.8 Definisi Operasional

Berikut adalah istilah yang telah digunakan dalam kajian berserta maksud yang spesifik:





### 1.8.1 Standard Kompetensi Tentera Laut (SKTL)

SKTL adalah panduan dalam proses penilaian dan persijilan mengikuti tahap seperti mana yang telah dilakukan oleh Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau *National Occupational Skill Standard* (NOSS), Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

### 1.8.2 Latihan dan Penilaian Berasaskan Kompetensi (LPBK)

Sistem latihan dan penilaian bagi memenuhi kompetensi standard pekerjaan sebenar dalam TLDM seperti yang termaktub dalam Standard Kompetensi Tentera Laut (SKTL).



### 1.8.3 Kompetensi

Kompetensi adalah standard yang perlu dimiliki oleh warga TLDM ketika mengikuti kursus dan ke tempat kerja sebenar.

